

Amaran Mahathir mengenai isu 'buang Islam'

Min M 11 DEC 1994

Kempen Pas bahaya

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan ZULKIFLI ABDULLAH

SEREMBAN 10 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Pas mengadakan kempen di merata-rata tempat yang menuduh kerajaan hendak membuang agama Islam sebagai sesuatu yang berbahaya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan akan berhati-hati untuk mengambil sebarang tindakan supaya ia tidak disalahtafsirkan oleh pihak luar bahawa kerajaan ingin menghapuskan agama Islam.

Beliau turut membidas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat semalam yang meminta Kerajaan Pusat 'membuang demokrasi' jika benar-benar mahu menggugurkan perkataan Islam pada nama parti itu.

Kata beliau, itulah sebenarnya niat Pas yang ingin terus memerintah Kelantan secara autokrasi.

"Semua tindakan Pas ini memang berbahaya tetapi kita (kerajaan) perlu menjelaskan kepada rakyat kerana Pas sudah merasuk rakyat sehingga percaya bahawa jika kita mengambil tindakan terhadap Pas maka kita terambil tindakan terhadap agama Islam.

"Itu sudah menyeleweng dari segi ajaran Islam, kita tidak boleh kaitkan Islam dengan sebuah parti," katanya sebagai mengulas kempen Pas yang menuduh Kerajaan Pusat mahu membuang Islam sedangkan isu sebenar ialah pengguguran perkataan Islam pada nama parti itu.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja sehari ke negeri ini, di sini petang ini.

Semalam Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd. Noor menegaskan, polis mengawasi tindakan sesetengah pemimpin Pas yang telah sampai ke tahap menyalahafsirkan

Kempen Pas bahaya

isu pengguguran Islam pada nama parti berkenaan.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan menganggap penyelewengan dan putar belit Pas ini serius tetapi ia mesti ditangani dengan berhati-hati kerana kerajaan tidak mahu orang asing menyokong parti itu.

"Pas akan mendapat sokongan daripada suratkhbar asing yang sememangnya tidak begitu senang melihat Kerajaan Malaysia yang ditunjangi oleh orang Islam mencapai kejayaan.

"Mereka lebih suka kalau kita berada dalam huru-hara sebab itu mereka akan beri sokongan pada Pas bukan kerana Islam tetapi hendak melihat Malaysia huru-hara seperti sesetengah negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, sebarang tindakan yang hendak diambil oleh kerajaan berhubung sikap Pas mesti difahami oleh rakyat kerana Pas sudah mempolitikkan isu berkenaan.

"Kita mudah ambil tindakan kepada Arqam kerana ia bukan parti politik dan semua orang tahu kalau kita ambil tindakan sebabnya untuk memelihara agama Islam. Tetapi apabila Pas menyeleweng dari ajaran Islam sukar bagi kita kerana mereka (Pas) akan menggunakan apa juga tindakan kita sebagai isu politik untuk mempertahankan parti mereka bukannya untuk mempertahankan Islam," katanya.

Dr. Mahathir berkata, jika tindakan Pas itu tiba ke tahap berbahaya kepada keselamatan dalam negara maka tindakan terpaksa juga diambil.

"Tetapi setakat ini tidak ada sebab kerana majoriti orang Melayu masih yakin bahawa Pas bukan Islam cuma parti yang menggunakan Islam untuk kepentingan parti," katanya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, rakyat perlu berwaspada dan dijelaskan betapa Pas hanya menggunakan Islam kepada sebahagian namanya tetapi di segi amalan dan dasar sedikitpun tidak mencerminkan pegangan kepada ajaran Islam.

Ditanya adakah ini bermaksud bahawa rakyat masih belum matang hingga mempercayai apa yang dikatakan oleh Pas, Dr. Mahathir menjelaskan, sebahagian rakyat tidak begitu matang dan ini boleh dilihat apabila ramai juga orang Islam mempercayai apa sahaja yang dicakapkan mengenai Islam.

"Sebab itulah kadang-kadang sesetengah (rakyat) buat keputusan untuk menyokong Pas kononnya Pas itu Islam dan Islam itu Pas.

"Ini bermakna pada zaman Nabi (Muhammad s.a.w) tidak ada Islam sehinggalah selepas perang bila orang putih bagi kelulusan untuk tubuhkan Pas baru ada Islam. Itu ikut tafsiran Pas," katanya.

Beliau menegaskan, kempen yang dijalankan oleh Pas sekarang ialah kerana mereka bimbang jika perkataan Islam tidak ada, mereka akan tewas dalam pilihanraya.

"Ini kerana mereka tidak mempunyai apa-apa untuk ditawarkan kepada rakyat setain daripada cuba mengaitkan Islam dengan partinya. Kalau buang saja perkataan Islam itu maka Pas adalah parti kosong yang tidak pernah melakukan apa-apa untuk agama Islam," katanya.

Dr. Mahathir juga membidas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang menuduh tindakan kerajaan hendak membuang perkataan Islam pada Pas merupakan permulaan untuk membuang Islam.